

D848

U B120 AAB
MAHATHIR - UMNO

KUALA LUMPUR, 23 OKT (BERNAMA) -- PERHIMPUNAN AGUNG UMNO AKAN DIADAKAN DI SINI SELAMA EMPAT HARI MULAI 29 NOV INI, DEMIKIAN DIPUTUSKAN OLEH MAJLIS TERTINGGI PARTI ITU HARI INI.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, YANG JUGA PRESIDEN UMNO MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO DI SINI, BAHAWA SEMUA BAHAGIAN PARTI HENDAKLAH MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG MASING-MASING SEBELUM 20 NOV.

KATANYA HARI PERTAMA PERHIMPUNAN ITU DIPERUNTUKKAN BAGI PERHIMPUNAN PERGERAKAN-PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA.

PERHIMPUNAN AGUNG KALI INI JUGA AKAN MELIBATKAN PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN PARTI, KECUALI BAGI JAWATAN PRESIDEN DAN TIMBALAN PRESIDEN, YANG DIJANGKA TIDAK DITANDINGI DALAM USAHA UNTUK MENGEKALKAN KEUTUHAN DAN KESTABILAN UMNO.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PENERUSI BARISAN NASIONAL (BN), BERKATA MESYUARAT HARI INI MERESTUI SUPAYA BELIAU KEKAL SEBAGAI PERDANA MENTERI. -- LAGI
1556MST 23 10 90

D850

U B122 AAB
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

KATANYA MAJLIS TERTINGGI MEMBUAT KEPUTUSAN ITU BERDASARKAN KEPADA AMALAN BAHAWA SESIAPA YANG MENGETUAI PARTI YANG MENDAPAT BILANGAN KERUSI TERBANYAK, AKAN MEMEGANG JAWATAN PERDANA MENTERI.

+MAJLIS TERTINGGI BERSETUJU BAHAWA SAYA MERUPAKAN ORANG YANG MENDAPAT KEPERCAYAAN DARIPADA AHLI-AHLI YANG DIPILIH. JADI SAYA AKAN MENUBUHKAN KERAJAAN DAN MENJADI PERDANA MENTERI,+ KATANYA.

MENGENAI JAWATAN MENTERI BESAR, BELIAU BERKATA MAJLIS TERTINGGI JUGA MENENTUKAN BAHAWA PENERUSI-PENERUSI PERHUBUNGAN UMNO NEGERI YANG MENANG PADA PILIHAN RAYA KALI INI, AKAN DISOKONG SEBAGAI CALON MENTERI BESAR ATAU KETUA MENTERI.

BAGAIMANAPUN, BAGI JAWATAN KETUA MENTERI PULAU PINANG, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UMNO AKAN MEMBINCANGKANNYA DENGAN GERAKAN.

KETUA MENTERI PULAU PINANG DR LIM CHONG EU TEWAS KEPADA SETIAUSAHA AGUNG DAP ENCIK LIM KIT SIANG DI PADANG KOTA.

DARIPADA 19 KERUSI NEGERI YANG DIMENANGI OLEH BN DI PULAU PINANG, 12 IALAH OLEH UMNO DAN TUJUH OLEH GERAKAN. -- BERNAMA
1600MST 23 10 90